

22/08/2003

PM deklamasi puisi pada 29 Ogos

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sekali lagi akan menjadi tetamu istimewa dan menyampaikan sajak pada Malam Puisi Patriotik ke-4 yang akan berlangsung selama dua hari di Taman Putra Perdana, di sini bermula 28 Ogos ini.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali bersama beberapa pemuisi lain akan menyampaikan sajak pada malam kedua, iaitu pada 29 Ogos.

Sebelum ini, Perdana Menteri tiga kali berturut-turut mendeklamasi sajak pada majlis sempena Bulan Kemerdekaan, anjuran Biro Tatanegara (BTN).

Pada 2000 Dr Mahathir menyampaikan sajak bertajuk Erti Kemerdekaan, Dari Runtuhan Kota Melaka, Kita Bina Putrajaya pada 2001 dan Menghadapi Cabaran: Menatang Bangsa pada 2002.

Dr Siti Hasmah pula mendeklamasi sajak berjudul Suara Hatiku pada tahun lalu.

Majlis berkenaan dijadual disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Ketua Pengarah BTN, Datuk Dr Nordin Kardi berkata, majlis berkenaan sebahagian daripada Program Perjalanan Kemerdekaan 2003 yang bermula pada 2 Ogos lalu.